

**KAJIAN MENGENAI KESATUAN IDEA  
DALAM DIALOG PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BIDANG ESTETIK  
DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU TINGKATAN EMPAT  
DI BEBERAPA BUAH SEKOLAH DI SABAH**

**SARKAUVI BIN MASERI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2005**

**KAJIAN MENGENAI KESATUAN IDEA  
DALAM DIALOG PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BIDANG ESTETIK  
DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU TINGKATAN EMPAT  
DI BEBERAPA SEKOLAH DI SABAH**

**SARKAUVI BIN MASERI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2005**

**KAJIAN MENGENAI KESATUAN IDEA  
DALAM DIALOG PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BIDANG ESTETIK  
DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU TINGKATAN 4  
DI BEBERAPA BUAH SEKOLAH DI SABAH**

**oleh**

**SARKAUVI BIN MASERI**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah  
Ogos 2005**

## **Penghargaan**

Saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T Yang Amat Pemurah dan Mengasihi, salawat dan salam juga kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Dengan taufik dan hidayah-Nya, kajian ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia-penyelia saya, iaitu Profesor Dr. Aminah binti Ayob, Profesor Madya Dr. Mustapa bin Kassim dan Dr. Rohizani binti Yaakub kerana telah memberikan cadangan untuk penambahbaikan tesis ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Puan Fatimah binti Haji Jeman kerana telah menyemak dan membaiki penggunaan bahasa dalam tesis ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah menawarkan Biasiswa Persekutuan kepada saya. Pemberian biasiswa tersebut telah memudahkan saya untuk memberikan tumpuan sepenuhnya dalam menyiapkan kajian ini dengan lebih sempurna. Penyelidikan ini tidak akan sempurna tanpa bantuan secara langsung atau secara tidak langsung daripada empat buah sekolah menengah di daerah Tuaran dan Tamparuli dalam Bahagian Pendidikan Pantai Barat Selatan negeri Sabah.

Akhir sekali, teristimewa isteri saya, Puan Tah Nia binti Haji Jaman yang sentiasa memahami dan banyak membantu ketika kajian ini sedang dijalankan. Anak-anak saya, Siti

Zulaikha, Muhammad Lukman, Muhammad Ibrahim, dan Maryam yang memberikan semangat dan inspirasi kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada semua ahli keluarga dan rakan yang memberikan sokongan dan bantuan sepanjang kajian ini dibuat.

Sekian, wassalam.

## **Jadual kandungan**

Perkara	Kandungan	Muka surat
Penghargaan		iv
Jadual Kandungan		vi
Senarai Jadual		viii
Senarai Rajah		ix
Kependekan		x
Abstrak		xi
‘Abstract’		xiii
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>		1
1.1. Pengenalan		1
1.2. Latar Belakang Kajian		3
1.3. Pernyataan Masalah		13
1.4. Objektif Kajian		17
1.5. Persoalan Kajian		18
1.6. Kepentingan Kajian		20
1.7. Batasan Kajian		21
1.8. Pengertian Istilah Yang Digunakan Dalam Kajian		22
<b>BAB 2 : SOROTAN LITERATUR</b>		28
2.1. Pendahuluan		28
2.2. Teori Pembelajaran Bahasa		28
2.3. Kesan Penggunaan Bahan Sastera Dalam meningkatkan Kemahiran Berfikir		33
2.4. Wacana Dialog Teks Bahan Sastera		39
2.5. Kaedah Mengajar Bahan Sastera		42
2.6. Pengkonsepsian Kajian		45
2.6.1. Asas-asas Teori Kajian		45
2.6.2. Kerangka Teori Kajian		50
<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>		52
3.1. Pendahuluan		52
3.2. Reka Bentuk Kajian		53
3.3. Kaedah Hermeneutik		55
3.4. Sampel Kajian		56

3.5. Lokasi Kajian	57
3.6. Prosedur Kajian	59
3.5. Cara Dialog Dijalankan	60
3.6. Prosedur Kajian	62
3.7. Cara Analisis Dijalankan	63
<b>BAB 4 : ANALISIS DATA</b>	<b>64</b>
4.1. Pendahuluan	64
4.2. Analisis Dialog Pengajaran Dan Pembelajaran Komponen Kesusasteraan Melayu Bidang Estetik Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	65
4.2.1. Tema 1 : Masalah Semasa	65
4.2.2. Tema 2 : Nilai-nilai Sosial dan Kemasyarakatan	76
4.2.3. Tema 3 : Semangat Patriotik Dan Kenegaraan	89
4.2.4. Tema 4 : Kehidupan Pada Zaman Moden	105
4.2.5. Tema 5 : Kekeluargaan	119
4.2.6. Tema 6 : Amalan-amalan yang Baik	134
4.2.7. Tema 7 : Kebajikan dan Kemaslahatan Untuk Kesejahteraan	149
4.2.8. Tema 8 : Isu-isu Kontroversi Dalam Masyarakat	167
4.4. Kesimpulan	181
<b>BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>185</b>
5.1. Pendahuluan	185
5.2. Ringkasan Dapatan Kajian	187
5.3. Perbincangan	189
5.3.1. Tahap Pemikiran Pelajar	189
5.3.2. Tahap Pemikiran Guru	192
5.4. Kesimpulan	196
5.5. Implikasi Dapatan Kajian	198
5.6. Cadangan Kajian Selanjutnya	199
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>201</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
<b>LAMPIRAN A : Borang Latar Belakang Guru</b>	<b>221</b>
<b>LAMPIRAN B : Latar Belakang Guru</b>	<b>223</b>

## **Senarai Jadual**

### **MUKA SURAT**

4.2.1.1. Rumusan Analisis Dialog Untuk Tema 1	76
4.2.2.1. Rumusan Analisis Dialog Untuk Tema 2	88
4.2.3.1. Rumusan Analisis Dialog Untuk Tema 3	104
4.2.4.1. Rumusan Analisis Dialog Untuk Tema 4	118
4.2.5.1. Rumusan Analisis Dialog Untuk Tema 5	133
4.2.6.1. Rumusan Analisis Dialog Untuk Tema 6	149
4.2.7.1. Rumusan Analisis Dialog Untuk Tema 7	166
4.2.8.1 Rumusan Analisis Dialog Untuk Tema 8	180
4.3.1. Pencapaian Tahap Pemikiran Pelajar	181
4.3.2. Pencapaian Tahap Pemikiran Guru	182

**Senarai Rajah****MUKA SURAT**

2.6.2.1. Kerangka Teori Kajian	51
3. 2.1. Reka Bentuk Kajian	54

## **Kependekan**

- |        |   |                                      |
|--------|---|--------------------------------------|
| KBSM   | - | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah |
| komsas | - | komponen kesusasteraan Melayu        |
| PPK    | - | Pusat Perkembangan Kurikulum         |

## **Abstrak**

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu telah begitu lama menggunakan bahan sastera untuk mencapai matlamat dan objektif estetik dalam pendidikan Bahasa Melayu. Walaupun demikian, timbul beberapa persoalan mengenai situasi pengajaran dan pembelajaran yang dianggap tidak berkesan dan kurang menarik. Proses pengajaran dan pembelajaran didapati tidak mampu mengetengahkan idea-idea tersurat dan tersirat dalam bahan-bahan sastera. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pemikiran guru dan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Tahap-tahap pemikiran yang dapat dikenalpasti ialah merekod, melapor, mengeneralisasi, analogi rendah, analogi tinggi, spekulasi, dan idea keseluruhan.

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar dan guru Tingkatan 4 di Daerah Tuaran dan Daerah Tamparuli negeri Sabah. Terdapat 12 orang guru dan 12 buah kelas yang terlibat dalam kajian. Kajian ini menggunakan kaedah hermeneutic untuk menganalisis dialog yang dihasilkan dalam wacana pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak 130 buah dialog telah dianalisis untuk menafsirkan tahap pemikiran dalam kesatuan idea tersurat dan tersirat.

Dapatan kajian menunjukkan tahap-tahap pemikiran pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran bidang estetik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah tertumpu kepada tahap rendah, iaitu merekod, melapor, dan mengeneralisasi dalam kesatuan idea tersurat. Manakala tahap pemikiran guru didapati adalah lebih tinggi sedikit daripada tahap

pemikiran pelajar. Walaupun terdapat usaha-usaha untuk terlibat dalam wacana pada tahap pemikiran tinggi di kalangan guru, tetapi tahap pemikiran guru juga masih tertumpu dengan jelas dalam tahap sederhana rendah, iaitu merekod, melapor, mengeneralisasi, analogi rendah, dan analogi tinggi. Tahap pemikiran tersebut tertumpu dalam tema-tema tertentu, iaitu tema masalah semasa, tema nilai-nilai sosial dan kemasyarakatan, tema kekeluargaan, dan tema amalan baik. Dengan itu, pengajaran dan pembelajaran bidang estetik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menyokong penyelidikan-penyalidikan sebelum ini yang mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran masih tertumpu kepada tahap pemikiran rendah, iaitu kesatuan idea tersurat.

### **A study of the unity of ideas**

**in the teaching and learning dialogue of the aesthetic component of form four Bahasa Melayu subject in selected schools in Sabah**

**Abstract**

It has been ages that literature is used in the teaching and learning of Bahasa Melayu to achieve the aesthetic goal and objective of the Bahasa Melayu education. However, a few questions arose about the ineffectiveness and unattractiveness of the teaching and learning situation.. The Teaching and learning process is found to be unable to bring out the overtly and covertly ideas in the literature. Therefore, this study is conducted to identify the teachers` and students` level of thinking during the teaching and learning process. The levels of thinking identified are recording, reporting, generalizing, lower analogy, higher analogy, speculation, and the whole idea.

The study is carried out among the form four students and teachers in the district of Tuaran dan Tanparuli in Sabah. There were 12 teachers dan 12 classes involved in the study. The study used the hermeneutic method to analyse the dialogue resulted in the teaching and learning discourse. About 130 dialogue have been analyzed to interpret the level of thinking in the overtly and covertly ideas.

The result of the study shows that the students` level of thinking in the teaching and learning of easthetic scope in the Bahasa Melayu subject are focused towards the lower

level, which are recording, reporting, and generalizing in the ideas. Whereas the teachers` level of thinking is found to be a bit higher than the students` level of thinking. Eventhough there are efforts to involve in the discourse at higher level of thinking among teachers, but teachers` level at thinking is still clearly focused in the mid-lower level which are recording, reporting, generalizing, lower analogy, and higher analogy. Those levels of thinking are focused into certain themes which are on-going problems, social and society values, family and good practice. Therefore, the teaching and learning of eesthetic scope in the Bahasa Melayu subject supports previous researchers that suggested the teaching and learning still focuses on the lower level of thinking which is the overtly ideas.



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1. Pengenalan**

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah adalah bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Di samping menyediakan pelajar dengan kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat, kurikulum ini juga bertujuan mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Sukatan pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah adalah merangkumi tiga bidang penggunaan bahasa, iaitu (i) bidang interpersonal, (ii) bidang maklumat, dan (iii) bidang estetik. Penumpuan pada bidang-bidang ini dikatakan akan membolehkan pelajar menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan seharian, dalam bidang pekerjaan, dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Dalam kurikulum ini, komponen kesusastraan Melayu telah dimasukkan dengan harapan dapat memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003).

Secara terperinci, objektif sukatan pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2003 ialah untuk membolehkan pelajar:

- i. berbicara bersama rakan tentang hal peribadi, keluarga, jiran, isu dan perkembangan semasa dan antarabangsa dengan menggunakan bahasa yang santun;
- ii. berurus untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan dengan memberikan maklumbalas tentang barang dan perkhidmatan yang diperolehi sebagai pelanggan;
- iii. membuat pertimbangan dan memilih alternatif terbaik untuk menyelesaikan masalah dan membuat pertimbangan dan membuat keputusan dalam situasi perbincangan dan perundingan;
- iv. membaca teks pelbagai laras dan bidang dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan untuk memperoleh dan mentafsirkan maklumat dengan berkesan;
- v. membaca bahan sastera dan ilmu untuk tujuan mendapatkan keseronokan dan menganalisis karya dari pelbagai aspek pengkaryaan;
- vi. mengolah semula maklumat berdasarkan perspektif dan kriteria tertentu agar memenuhi kehendak tugas;
- vii. menggunakan kemahiran memulakan penyampaian, melahirkan idea, dan menutup penyampaian untuk menjadikan persembahan lebih berkesan;
- viii. menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif, yang menggunakan bahasa yang gramatis dan laras yang tepat, dengan mengaplikasikan teknik penulisan yang dipelajari; dan
- ix. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara melalui pengalaman pembelajaran di bilik darjah.

Perincian objektif ini telah dipetik daripada Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003: 2). Objektif ini dapat memberikan gambaran betapa Bahasa Melayu adalah sangat penting sebagai alat untuk menguasai ilmu, untuk berurus dalam semua aspek perhubungan dan perkhidmatan dalam kehidupan seharian, dan bagi membina insan yang kaya dengan budi bahasa dan bersopan santun, kaya dengan nilai-nilai murni, mempunyai semangat cintakan negara dan bangsa serta bersikap patriotisme yang tinggi. Di antara objektif tersebut, objektif yang paling menarik perhatian penyelidik dalam kajian ini ialah hasrat untuk melahirkan penghayatan terhadap keindahan karya-karya sastera Melayu dan merasakan keseronokan apabila membaca karya-karya tersebut. Objektif ini sebenarnya mencerminkan harapan yang sangat tinggi untuk menghasilkan generasi yang suka membaca dan meminati seni karya warisan bangsa. Melalui penghayatan sastera, pihak penggubal kurikulum berharap dapat membina rasa bangga terhadap keindahan dan kehalusan bahasa, menguasai aspek kebahasaan dan dapat menghasilkan penulisan kreatif di kalangan pelajar-pelajar. Guru-guru sudah tentulah mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat berat bagi memastikan semua objektif tersebut tercapai (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003).

## **1.2. Latar Belakang Kajian**

Kajian ini adalah berkaitan dengan aspek komponen kesusasteraan Melayu dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah. Oleh itu penerangan mengenai latar belakang kajian ini adalah ditumpukan kepada membincangkan bagaimana

komponen kesusasteraan Melayu ini diperkenalkan dalam kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah dan mengenai apakah tujuannya.

Pada 1978 sebuah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji semula pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan. Salah satu mata pelajaran yang diberi penekanan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet yang dikeluarkan pada 1979 ialah Bahasa Melayu (atau dikenali sebagai Bahasa Malaysia pada masa itu). Bahasa Malaysia hendaklah diajar sebagai mata pelajaran wajib bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

*“Semua pelajar perlu menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dalam bahasa Malaysia, kerana Bahasa Malaysia telah dijadikan bahasa pengantar utama bagi semua peringkat persekolahan dan pengajian, sesuai dengan fungsinya sebagai bahasa perpaduan rakyat, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu pengetahuan”.*

(*Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990: vii*)

Pada 1990, kurikulum Bahasa Malaysia telah dibuat penambahbaikan. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Menengah Atas dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk diguna pakai oleh guru-guru di seluruh negara. Sukatan pelajaran ini menekankan penguasaan bahasa melalui kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis, tatabahasa, peribahasa, dan **unsur sastera**. Turut disenaraikan ialah bahan-bahan bacaan sastera yang pelbagai untuk dipilih oleh guru. Inilah kali pertama unsur sastera dimasukkan dalam kurikulum Bahasa Melayu. Sesuai dengan peranannya sebagai wahana untuk meningkatkan pengetahuan mengenai budaya, pendidikan Bahasa Malaysia sekolah menengah telah “memberi tumpuan kepada keterampilan berbahasa yang dapat

mendidik pelajar agar petah bertutur, cekap membaca dan dapat menulis dengan kreatif” (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990: viii).

Strategi pengajaran dan pembelajaran KBSM adalah menitikberatkan prinsip penggabungjalinan dan penyerapan. Interaksi pelajar untuk membina keyakinan berbahasa diutamakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia ini. Salah satu matlamat penting dalam kurikulum Bahasa Malaysia pada ketika itu ialah, “membaca pelbagai bahan sastera sebagai satu amalan untuk menimba ilmu pengetahuan dan memenuhi masa lapang” (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990: 1). Manakala objektifnya pula disebut dengan lebih spesifik mengenai kemahiran membaca, memahami dan menghayati pelbagai bahan sastera dan ilmiah.

Demikianlah bermulanya unsur-unsur sastera dimasukkan ke dalam kurikulum Bahasa Malaysia sekolah menengah, untuk menggalakkan pelajar-pelajar membaca luas pelbagai bahan sumber seperti akhbar, majalah, kamus dan bahan-bahan ilmiah dan buku-buku sastera klasik dan moden, tidak kira sama ada dalam bentuk prosa dan puisi. Semua ini dilakukan “secara serapan untuk pembentukan sahsiah yang baik di kalangan pelajar dan untuk meningkatkan daya pemikiran dan minat ingin terus membaca” (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990: .5). Pengajaran berunsur sastera dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia telah diperuntukan satu waktu seminggu.

Pada 1994, panduan tambahan telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menerangkan tentang pelaksanaan “**Unsur Sastera dalam Pendidikan Bahasa Melayu**, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) untuk Tingkatan IV dan V” (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1994). **Unsur Sastera dalam Bahasa**

**Melayu** merangkumi hanya sebahagian kecil dari kurikulum Bahasa Melayu dan sebagai pelengkap kepada pengajaran Bahasa Melayu KBSM. Sebanyak enam waktu dalam seminggu atau sebanyak 240 minit diperuntukan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, termasuk satu waktu untuk pengajaran dan pembelajaran unsur sastera (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1994). Perkara yang ditegaskan dalam pengajaran dan pembelajaran unsur sastera adalah tentang:

*“...bahan sastera yang penuh dengan ilmu pengetahuan dan keindahan dari segi persembahan dan bahasanya, bukan sahaja dapat memperkayakan para pelajar dengan ilmu pengetahuan tentang hal-hal kemasyarakatan dan kebudayaan, tetapi juga dapat menolong mengembangkan daya pemikiran para pelajar ke tahap pemikiran kritis dan analitis”*

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1994: m.s. v)

Bahan-bahan sastera yang dimasukkan merangkumi 5 genre sastera Melayu, iaitu novel, cerpen, drama, puisi dan prosa klasik. Pihak penggubal kurikulum ini berharap bahan-bahan sastera ini dapat memupuk bakat pelajar dalam bidang penulisan kreatif (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1994).

Bagi mencapai matlamat yang unggul ini, guru yang menjadi tenaga penggerak kepada para pelajar “dikehendaki menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, dedikasi dan ikhlas” (Pusat Perkembangan kurikulum, 1994: vi), dengan menggunakan daya kreativiti untuk memilih bahan dan mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran agar menarik dan sesuai dengan kebolehan pelajarnya. Guru juga digalakkan menokok tambah langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran supaya menjadi lebih bermakna, menarik dan berkesan. Objektif utama mempelajari unsur sastera ini ialah supaya pelajar-pelajar boleh:

- (a) meningkatkan dan mengukuhkan ketrampilan berbahasa;
- (b) menghayati karya sastera;

- (c) menghayati keindahan bahasa dalam karya sastera dan menggunakanya dalam penulisan;
- (d) menerapkan dan mengamalkan pengajaran atau nilai positif dalam kehidupan;
- (e) menghasilkan karya sastrea sesuai dengan kebolehan masing-masing; dan
- (f) membina dan memupuk budaya membaca.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1994: m.s. x)

Perbezaan antara pengajaran dan pembelajaran sastera tulen dengan unsur sastera dalam pengajian Bahasa Melayu ini ditekankan kepada guru pada aspek cakupannya supaya tidak disalah tafsir. Bagi unsur sastera tulen, pengajian karya sastera dilakukan dengan mendalam dan luas, serta lebih kritis, manakala bagi unsur sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, cakupannya adalah terhad dan penekanannya tidak begitu mendalam dan kritis. Cukup sekadar membolehkan pelajar-pelajar menghayati keindahan karya kesusasteraan Melayu yang mempunyai kepelbagaiannya dan keindahan bahasa bagi memupuk dan mengembangkan bakat semulajadi yang ada pada diri pelajar dalam bidang penulisan kreatif. Bahan sastera yang penuh dengan segala persoalan hidup manusia dan pergolakan masyarakat, diolah dan diwarnai dengan unsur-unsur estetik juga diharap dapat menyuburkan minat membaca di kalangan pelajar. Minat membaca inilah yang diharap dapat membawa pelajar-pelajar kepada satu budaya yang unggul iaitu budaya membaca dan budaya ilmu (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1994).

Pada 1999, Pusat Perkembangan Kurikulum dalam Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Edisi Penyesuaian kepada Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah Tingkatan IV dan V bagi memasukkan **kesusasteraan Melayu sebagai komponen wajib** dalam mata pelajaran bahasa Melayu (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999). Edisi Penyesuaian ini menerangkan dengan terperinci kaedah melaksanakan kandungan kesusasteraan Melayu sebagai komponen

wajib mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah atas dari segi kemahiran sastera yang perlu dicapai oleh pelajar. Misalnya:

- i) Kemahiran mendengar dan mengenal nada dalam puisi (sajak, pantun, syair, gurindam dan seloka) (Jenis-jenis nada yang dimaksudkan ialah nada melankolik, romantik, patriotik dan sinis);
- ii) Kemahiran mendengar dan memahami sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, latar serta watak dan perwatakan dalam karya;
- iii) Kemahiran melafazkan puisi (pantun, sajak, gurindam dan seloka) dengan nada dan gaya pengucapan yang menunjukkan pemahaman dan penghayatan;
- iv) Kemahiran menghuraikan dan menyatakan sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, plot, latar serta watak dan perwatakan;
- v) Kemahiran menyampaikan ulasan karya secara spontan dari aspek kesusasteraan;
- vi) Kemahiran menghuraikan unsur dan nilai kemanusiaan, kemasyarakatan dan kebudayaan;
- vii) Kemahiran mengenalpasti genre cerpen, novel, drama dan prosa (tradisional dan moden);
- viii) Kemahiran menghurai karya dari aspek sastera dengan menggunakan pelbagai gaya bahasa;
- ix) Kemahiran menulis karya kreatif dalam bentuk surat dan catatan harian, dialog dan skrip drama, sinopsis bagi karya prosa dan ulasan karya dari aspek sastera;
- x) Kemahiran menghasilkan pelbagai karya puisi seperti sajak, pantun, seloka, syair dan gurindam.

Pelaksanaan komponen kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (juga disebut sebagai **komsas**) telah berjalan sehingga 2000. Pada 2001, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan catatan kedua Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu yang disemak semula untuk memberi penekanan pada nilai-nilai murni dan semangat patriotik.

*“Ini adalah untuk menyedarkan pelajar akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara maju dan masyarakat berilmu...”*

*(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001: .v)*

Pelajar abad ke-21 dikehendaki mampu berfikir, berilmu pengetahuan luas, bertatetika tinggi, bijaksana, serta dapat menggunakan teknologi maklumat dan berkomunikasi secara kerkesan. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah 2001 ini merangkumi 3 bidang penggunaan bahasa, iaitu bidang interpersonal, bidang maklumat dan bidang estetik. Komponen kesusasteraan Melayu (komsas) diharap dapat memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Di antara 5 objektif kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah 2001, tiga daripadanya adalah menjurus kepada elemen-elemen kesusasteraan seperti berikut:

- Mendengar, membaca, menonton dan memberikan respons kepada pelbagai bahan sastera dan bukan sastera;
- Melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan tulisan secara kreatif dan berkesan;
- Menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001:3).

Hasil pembelajaran bidang estetik dalam kurikulum Bahasa Melayu ini difokuskan kepada “keupayaan pelajar menguasai aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan bahasa. Bidang estetik juga mementingkan penikmatan hasil karya yang indah, pelahiran perasaan, membuat apresiasi, dan penghayatan. Hasil pembelajaran khusus yang perlu dicapai oleh pelajar dalam bidang estetik ialah memahami, menguasai dan menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif” (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001: 11).

Demikian itu, didapati penekanan yang besar diberikan kepada komponen kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang disarankan diberi penekanan dalam pelaksanaan kurikulum Bahasa Melayu semakan 2001 ini ialah dalam aspek kemahiran berfikir, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, belajar cara belajar, kecerdasan pelbagai dan kajian masa depan (muka surat18).

Pada 2003, Kementerian Pendidikan Malausia mengeluarkan pula Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBM bagi memperincikan sukanan pelajaran 2001 yang telah disemak dan diberi nilai tambah. Huraian itu menyebut tujuan semakan ini ialah;

*“.....untuk menyediakan pelajar-pelajar menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan ilmu pada abad ke 21”.*

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003; .ix)

Organisasi kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah 2001 masih lagi sama, iaitu mencakupi 3 bidang penggunaan bahasa: bidang interpersonal, bidang maklumat dan bidang estetik (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Penumpuan kepada bidang-bidang ini akan membolehkan pelajar menggunakan bahasa Melayu secara lebih berkesan dalam kehidupan seharian dan pekerjaan. Komponen kesusasteraan Melayu diperkuuhkan dengan menambah bahan-bahan bacaan yang lebih banyak dan pelbagai dan bersifat universal. Objektif komponen kesusasteraan Melayu dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu seperti yang telah disebut pada awal bab ini adalah untuk memupuk minat membaca dan mendapatkan keseronokan daripada membaca bahan-bahan sastera, di samping memberi kemahiran kepada pelajar menghasilkan penulisan

kreatif dan bukan kreatif. Perkara yang dititikberatkan dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu 2003 ini ialah dari segi hasil pembelajaran yang perlu dicapai oleh pelajar. Dalam Huraian Sukatan Pelajaran ini dinyatakan secara jelas 3 aras pencapaian hasil pembelajaran; iaitu Aras 1, Aras 2 dan Aras 3. Pemeringkatan ini didasarkan kepada konsep pembelajaran masteri yang membolehkan pelajar terus maju tanpa mengabaikan pelajar-pelajar yang berpencapaian rendah. Aras 1 adalah yang paling asas yang harus dicapai oleh pelajar; Aras 2 ialah peringkat pencapaian sederhana, manakala Aras 3 ialah yang paling tinggi iaitu pencapaian cemerlang (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003).

Dengan berasaskan pembelajaran masteri ini, strategi pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih felksibel. Pendekatan yang dicadangkan adalah pendekatan berpusatkan pelajar, yang menggunakan pelbagai teknik, bahan dan sumber pengajaran. Pendekatan bertema adalah amat digalakkan bagi menyepadukan ketiga-tiga aspek kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran bahasa, pembelajaran tatabahasa dan pengembangan kosa kata (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Ilmu daripada disiplin lain juga perlu diserapkan. Guru-guru juga dikehendaki memberi peluang kepada pelajar untuk membaca luas bagi meningkatkan daya berfikir dan minat ingin terus membaca. Penggabungjalinan merupakan aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran, termasuk juga konsep serapan. Proses ini adalah untuk meningkatkan kemahiran bernilai tambah dalam diri pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Unsur-unsur penyerapan yang disarankan (muka surat 80) ialah:

- Semangat kewarganegaraan dan nilai murni masyarakat yang berlandaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan;
- Kemahiran berfikir kritis dan kreatif; dan

- Kemahiran ICT, kemahiran belajar cara belajar dan kajian masa depan.

Di antara hasil-hasil pembelajaran bidang estetik yang ditekan dalam kurikulum Bahasa Melayu 2003 ialah seperti berikut:

Hasil pembelajaran umum	Hasil pembelajaran khusus
10.0 Memahami dan memberikan respons peribadi tentang karya sastera	10.1 Menceritakan semula sesbuah karya secara keseluruhan 10.2 Mengenal pasti perkara yang menarik dalam sesbuah karya 10.3 Menyatakan bentuk dan nada puisi 10.4 Menyatakan jenis, siri, tema dan persoalan, pemikiran, nilai dan pengajaran 10.5 Menghuraikan maksud gaya bahasa, dan unsur bunyi dalam puisi 10.6 Mengulas karya sastera dari aspek watak dan perwatakan, latar, plot, gaya bahasa, dan sudut pandangan.

Hasil pembelajaran umum	Hasil pembelajaran khusus
11.0 Menguasai gaya bahasa dan laras bahasa dalam karya penulisan kreatif dan bukan kreatif.	11.1 Mengenal pasti gaya bahasa dalam karya bukan sastera serta menggunakan dalam penulisan bukan kreatif 11.2 Menganalisis gaya bahasa dan unsur bunyi dalam karya sastera serta menggunakan dalam penulisan kreatif 11.3 Membandingkan penggunaan laras bahasa dalam pelbagai genre.
12.0 Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif	12.1 Menghasilkan prosa dan puisi secara terancang, tertib, dan kemas dengan menggunakan bahasa yang tepat, indah, dan menarik 12.2 Mengemukakan isi yang bernas dan membina kerangka karangan 12.3 Membina ayat topik dan ayat hurai untuk membina perenggan yang kohesif 12.4 Menyusun isi dan menggunakan penanda wacana untuk menghasilkan 12.5 Membina baris puisi dengan kemas dan indah 12.6 Mengedit dan memurnikan sesuatu karya yang telah dihasilkan

(sumber: Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah, PPK, 2003)

Secara ringkas, dapat disimpulkan bahawa sepanjang satu setengah dekat dari 1990 hingga 2005, kurikulum Bahasa Melayu telah dilakukan semakan semula beberapa

kali untuk penambahbaikan secara berterusan. Dari segi penekanan aspek sastera dalam sukanan pelajaran bahasa Melayu dapat dilihat ia telah berkembang dan diberi kepentingan yang tinggi, iaitu aripada hanya unsur sastera dengan bahan-bahan sastera yang terhad digunakan dalam pengajaran kepada satu komponen yang besar meliputi sepertiga daripada keseluruhan kurikulum Bahasa Melayu dan sebagai satu komponen wajib dalam peperiksaan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Demikianlah bagaimana komponen kesusasteraan Melayu atau lebih dikenali sebagai bidang estetik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah diberi wajaran yang tinggi dan penting. Jadi, proses pengajaran dan pembelajaran bagi komponen kesusasteraan Melayu atau bidang estetik ini wajarlah juga dipertingkatkan agar dapat mencapai hasil pembelajaran yang dihasratkan.

### **1.3. Pernyataan Masalah**

Seperti yang telah diterangkan dalam Bahagian Latar Belakang Kajian, kurikulum Bahasa Melayu telah mengalami perubahan yang sangat pesat di mana unsur sastera atau disebut juga komponen estetik telah dimasukkan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mampu berfikir, berilmu pengetahuan luas, bertataetika tinggi, bijaksana, dapat menggunakan teknologi maklumat dan berkomunikasi secara berkesan, di samping mempunyai nilai-nilai murni serta semangat patriotik yang tinggi. Pendekatan yang dicadangkan ialah pendekatan yang berpusatkan pelajar. Selain itu, pendekatan bertema juga disarankan. Kaedah pengajaran hendaklah menggunakan pelbagai teknik, bahan dan sumber sastera yang sesuai/baik. Guru-guru pula dikehendaki memberi peluang kepada pelajar untuk membaca luas bagi meningkatkan minat ingin terus

membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan-bahan sastera (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Segala hasrat yang dinyatakan di atas didapati tidak begitu berjaya dicapai oleh guru-guru, khususnya di sekolah yang penyelidik mengajar. Dari pemerhatian penyelidik di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Telipok, Tuaran Sabah didapati tidak mencapai hasil pembelajaran yang ingin dicapai seperti tercatat dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah (rujuk muka interaksi guru dan pelajar berlaku secara berpusatkan guru, dan bukan berpusatkan pelajar seperti yang dikehendaki oleh kurikulum Bahasa Melayu. Perbincangan yang berlaku hanyalah pada tahap melaporkan mengenai apa-apa yang dibaca tanpa huraian atau analisis kritikal yang mendalam dibuat untuk mencari nilai-nilai serta mesej-mesej tersirat yang terdapat dalam bahan-bahan sastera yang dibaca. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa di sekolah ini, pengajaran dan pembelajaran komponen estetik surat 11 dan 12 di atas). Dengan itu, penyelidik berpendapat bahawa satu kajian wajar dilakukan untuk mengetahui tahap pencapaian intelek atau tahap pemikiran yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran komponen estetik ini di sekolah-sekolah di Sabah.

Negeri Sabah adalah unik kerana terdapat pelbagai kumpulan etnik bumiputera yang bercakap pelbagai bahasa tetapi mempelajari bahan-bahan sastera dalam bahasa Melayu. Secara lumrahnya, penggunaan bahasa yang berbeza boleh menyebabkan interpretasi terhadap bahan sastera yang dibaca juga berbeza. Maka, pada pandangan penyelidik, adalah menarik jika dapat dikaji sejauh manakah kemampuan pelajar-pelajar dan guru-guru di Sabah membuat pentafsiran bahan sastera yang dibaca dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Dengan kaedah mengajar tradisional yang digunakan di sekolah, dapatkah guru meningkatkan semangat patriotisme dan nilai-nilai murni yang dihasratkan oleh kurikulum Bahasa Melayu? Dapatkah guru-guru membimbing pelajar menjadi pemikir dan mencinta ilmu? Semua persoalan ini hanya boleh dijawab jika penyelidikan dijalankan di sekolah-sekolah di Sabah.

Dari sorotan literatur yang diperoleh, kebanyakan maklumat adalah dari luar negara dan mengenai pengajaran bahasa asing atau bahasa kedua. Tidak banyak penyelidikan dalam negara yang dijalankan dalam aspek ini. Kajian-kajian oleh Mhd. Amin (1988), Akub (1988), Roshani (1992), Tah Nia (2001) dan Norfisah (2003) menunjukkan bahawa guru-guru sangat gemar dan kerap menggunakan aktiviti berupa latihan pemahaman, penulisan, pembacaan, perbincangan, latihan bertutur atau menyоal dalam pengajaran dan pembelajaran komponen kesusastraan Melayu atau komponen estetik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Guru-guru didapati mereka lebih gemar untuk memastikan pelajar menguasai dan memahami sebanyak boleh fakta/maklumat yang terdapat dalam bahan sastera daripada menghayati dan mendalami maksud tersirat yang boleh dijadikan pengajaran dalam kehidupan.

Demikianlah masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran bidang estetik di sekolah menengah pada masa kini. Guru kurang menekankan elemen berfikir, minat membaca, semangat patriotik, dan nilai-nilai murni masyarakat yang terdapat dalam bahan sastera, dengan itu tidak mungkin dapat wujud penghayatan sastera dan apresiasi budaya yang ingin diterapkan oleh melalui kurikulum Bahasa Melayu ini. Impaknya dalam jangka panjang akan menjadi sangat ketara dan serius. Generasi yang

dilahirkan daripada sistem persekolahan kita akan menjadi generasi yang kering kontang dengan nilai-nilai seni dan budaya. Begitulah pentingnya proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, khususnya komponen estetik diberikan perhatian yang khusus.

Kajian wajar dilakukan untuk meneliti proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru bagi mengesan penerapan nilai-nilai tambah yang tersebut dan pencapaian hasil pembelajaran yang dihasratkan. Dengan itu, kajian ini adalah satu percubaan untuk menganalisis sejauh manakah pencapaian aras-aras pemikiran pelajar dalam konteks pengajaran dan pembelajaran komponen sastera/estetik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Dapatkah guru-guru menghasilkan pelajar-pelajar yang boleh berfikir dengan mendalam tentang idea-idea yang tersurat dan tersirat dalam bahan-bahan sastera yang dipelajari, dan apakah tahap-tahap yang mampu dicapai oleh pelajar-pelajar dan juga guru dalam pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Untuk menganalisis tahap pemikiran ini, penyelidik mencadangkan untuk menggunakan transkrip interaksi (percakapan) yang berlaku di antara guru dengan pelajar, dan pelajar dengan pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran komponen kesusteraan Melayu dalam Bahasa Melayu. Transkrip percakapan tersebut dalam kajian ini dirujuk sebagai “dialog” (atau teks mengikut analisis hermeneutik). Seterusnya, dibincangkan objektif dan persoalan kajian yang dilakukan.

#### **1.4. Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mentafsir interaksi yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran komponen kesusasteraan Melayu (bidang estetik) dalam mata pelajaran bahasa Melayu Tingkatan 4 untuk mengetahui tahap pemikiran yang wujud, sama ada di peringkat atau tahap yang rendah berdasarkan maklumat tersurat dalam bahan sastera yang dipelajari atau di peringkat yang lebih tinggi, yang menyentuh kepada elemen-elemen tersirat dalam bahan sastera tersebut. Interaksi dalam pengajaran dan pembelajaran biasanya berlaku di antara guru dan pelajar, dan di antara pelajar dengan pelajar. Interaksi ini dinamakan sebagai “dialog” dalam kajian ini kerana peraturan semulajadi dalam percakapan ialah berbentuk dialog.

Secara khusus, objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengenal pasti sejauh manakah guru dan pelajar menggunakan tahap pemikiran “merekod maklumat” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik;
2. Mengenal pasti sejauh manakah guru dan pelajar menggunakan tahap pemikiran “melapor maklumat” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik;
3. Mengenal pasti sejauh manakah guru dan pelajar menggunakan tahap pemikiran “mengeneralisasi maklumat” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik;

4. Mengenal pasti sejauh manakah guru dan pelajar menggunakan tahap pemikiran “analogi rendah” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik;
5. Mengenal pasti sejauh manakah guru dan pelajar menggunakan tahap pemikiran “analogi tinggi” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik;
6. Mengenal pasti sejauh manakah guru dan pelajar menggunakan tahap pemikiran “membuat spekulasi atau meramal” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik;
7. Mengenal pasti sejauh manakah guru dan pelajar dapat mencapai tahap pemikiran mendalam yang disebut sebagai “kesatuan idea-idea yang tersurat dan tersirat” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik.

### **1.5. Persoalan Kajian**

Dari objektif-bjektif di atas, soalan-soalan berikut ditanya dalam kajian ini:

1. Sejauh manakah guru dan pelajar menggunakan tahap pemikiran “merekod maklumat” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik?

2. Sejauh manakah guru dan pelajar menggunakan tahap pemikiran “melapor maklumat” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik?
3. Sejauh manakah guru dan pelajar menggunakan tahap pemikiran “mengeneralisasi maklumat” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik?
4. Sejauh manakah guru dan pelajar menggunakan tahap pemikiran “analogi rendah” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik?
5. Sejauh manakah guru dan pelajar menggunakan tahap pemikiran “analogi tinggi” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik?
6. Sejauh manakah guru dan pelajar menggunakan tahap pemikiran “membuat spekulasi atau meramal” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik?
7. Sejauh manakah guru dan pelajar dapat mencapai tahap pemikiran mendalam yang disebut sebagai “kesatuan idea-idea yang tersurat dan tersirat” dalam dialog yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bidang estetik?

## **1.6. Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kerana ini dapat memberi gambaran tentang pencapaian hasil pembelajaran yang dicapai oleh pelajar-pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran komponen kesusasteraan Melayu dalam bidang estetik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Gambaran tentang pembelajaran ini boleh memberi input kepada pelbagai pihak seperti guru-guru, penggubal kurikulum, pihak-pihak yang menyediakan soalan-soalan peperiksaan, perancang dasar negara, Bahagian Pendidikan Guru dan Jabatan Pendidikan Negeri yang menyediakan kursus-kursus dalam perkhidmatan serta kursus-kursus perkembangan profesional untuk guru-guru, pihak Nazir Sekolah dan akhirnya kepada pihak sekolah dan pelajar-pelajar sendiri.

Kejayaan atau keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahan sastera amat penting dinilai untuk membolehkan proses penambahbaikan dilakukan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah. Adalah amat penting, seperti yang telah ditunjukkan dalam perbincangan di atas bahawa melalui pembelajaran sastera dalam Bahasa Melayu, pelajar-pelajar membina kemahiran berbahasa yang baik dan minat membaca, di samping kemahiran berfikir dan berkomunikasi dan aspek-aspek perkembangan afektif, yang kurang diberi perhatian dalam mata-mata pelajaran lain di sekolah menengah (kerana dalam mata-mata pelajaran tersebut, aspek penguasaan maklumat dan pemahaman konsep lebih dipentingkan untuk peperiksaan). Maka, para guru perlu diperingatkan supaya menekankan aspek afektif ini dalam pengajaran dan pembelajaran sastera dalam Bahasa Melayu. Jika tidak pelajar-pelajar yang bakal menjadi generasi masa hadapan akan ketandusan nilai-nilai kemasyarakatan,

penghayatan seni budaya, cintakan bangsa dan negara, dan keindahan bahasa kita. Bahasa Melayu adalah mata pelajaran yang wajib di ambil oleh semua pelajar, tidak kira pelajar dari aliran sains atau sastera, dan Bahasa Melayu adalah satu-satunya mata pelajaran yang boleh menghasilkan kesan afektif ini kepada pelajar-pelajar, terutama pelajar-pelajar dari aliran sains yang tidak mungkin akan mengambil mata pelajaran seni atau kesusasteraan Melayu. Jadi, kajian ini amat penting silakukan dan dapatannya adalah luas dan mencakupi semua pihak serta boleh dijadikan petanda kualiti hidup generasi masa hadapan.

### **1.7. Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah menengah di Sabah. Ini kerana penyelidik adalah seorang yang berasal dari Sabah dan masalah yang diterangkan adalah berkaitan dengan masalah yang berlaku di sekolah-sekolah di Sabah. Bilangan sekolah yang dikaji adalah kecil kerana kaedah penyelidikan yang digunakan tidak membenarkan sampel yang besar diambil. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan rakaman video dilakukan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran sastera dalam Bahasa Melayu. Rakaman video ini untuk menbolehkan penyelidik menyediakan traskrip interaksi dalam bilik darjah dengan lebih baik dan tepat. Interaksi di antara guru dan pelajar dan pelajar dengan pelajar ditranskripsikan dan dianalisiskan. Oleh kerana masa pengajaran sastera hanyalah satu waktu dalam seminggu, maka rakaman video yang dibuat adalah terhad. Dengan itu, dapatan kajian ini adalah juga terhad kepada sekolah-sekolah di Sabah sahaja, dan untuk pengajaran dan pembelajaran sastera dalam Bahasa Melayu. Ia sudah pasti tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi lain atau subjek lain.

Demikian juga, analisis yang dibuat adalah berdasarkan kaedah interpretasi hermeneutik yang memang diakui mempunyai banyak masalah dan kekurangan, namun ia adalah cara yang paling baik untuk menganalisis dialog atau teks untuk memahami hasrat atau maklumat tersirat dalam teks tersebut. Dengan itu, data dan dapatan yang diperolehi adalah juga bersifat kualitatif dan interpretatif. Tambahan lagi, aspek tersirat dalam sesuatu teks adalah sesuatu yang sukar ditentukan kerana ia bersifat subjektif dan bergantung kepada interpretasi serta pemahaman seseorang tentang teks yang dibaca. Ia seumpama membuat interpretasi nilai-nilai di sebalik sesebuah cerita yang boleh diertikan dalam pelbagai makna. Namun itu, kaedah hermeneutik ini telah banyak digunakan dalam menginterpretasi percakapan dan perbualan. Kaedah ini dikatakan dapat menyelidiki perasaan atau pengalaman lampau, pemikiran di bawah sedar dan hasrat terhadap sesuatu matlamat (Nixon, 1999; Lafont, 1999; dan Suppiah, 2003).

Oleh kerana rakaman dibuat semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan, penyelidik menjangka akan berlaku sedikit sebanyak kesan ‘Howthorne’ dan ‘Kesan John Hendry’, dengan sampel kajian mengetahui bahawa mereka “sedang dikaji”, dan oleh kerana percakapan mereka “dirakam”, maka keadaan tidak ‘natural’ mungkin berlaku dan ini akan mempengaruhi dapatan kajian. Dengan itu, dapatan ini tidak boleh digeneralisasikan atau digunapakai secara total, tanpa terlebih dahulu memahami latar belakang kajian.

## **1.8. Pengertian Istilah Yang Digunakan Dalam Kajian**

Di antara istilah yang digunakan dalam kajian ini ialah:

### **(a) Bidang Estetik (iaitu Komponen Sastera) Dalam Bahasa Melayu**

Bidang estetik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan satu komponen dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu yang bertujuan untuk menerapkan kenikmatan dan penghayatan terhadap keindahan bahasa, apresiasi gaya bahasa dan nilai-nilai yang tersurat dan tersirat dalam karya bahasa yang dibaca. Selain itu, bidang ini juga bertujuan meningkatkan minat membaca di kalangan pelajar sekolah menengah. Bahan-bahan bacaan yang disarankan ialah kebanyakannya merupakan bahan-bahan sastera dalam pelbagai genre. Ini akan menambahkan penghayatan dan minat pelajar untuk mempelajari Bahasa Melayu, menghayati kekayaan tatabahasa, dan budaya serta nilai-nilai kemasyarakatan yang terdapat di dalamnya. Bahan-bahan sastera ini terdiri daripada puisi klasik dan moden, pantun, syair, sajak, gurindam dan seloka. Selain daripada penghayatan sastera, bidang estetik juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikir, semangat cintakan negara, semangat partiotik dan kepatuhan kepada Tuhan Yang Maha Esa. Selain itu, bidang estetik dimasukkan dalam kurikulum Bahasa Melayu untuk membina kemahiran menulis dan menghasilkan karya kreatif di kalangan pelajar.

### **(b) Tahap Pemikiran**

Tahap pemikiran bermaksud paras mengenai guru dan pelajar membuat penganalisisan (dalam minda mereka) terhadap bahan-bahan sastera yang dipelajari semasa proses pengajaran dan pembelajaran. “Penganalisisan maklumat dalam minda” dapat diketahui daripada hasil respons atau interaksi yang berlaku di antara guru dan pelajar, dan pelajar dengan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Apa yang dibincangkan dalam kajian ini dianggap sebagai penglahiran hasil pemikiran yang

berlaku dalam minda pelajar dan guru tersebut. Oleh itu, tahap pemikiran guru dan pelajar dalam kajian ini akan ditentukan berdasarkan dialog yang berlaku hasil interaksi guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar dalam situasi pengajaran dan pembelajaran sastera dalam Bahasa Melayu. Tahap pemikiran ini dipecahkan kepada beberapa peringkat seperti berikut yang boleh dikenalpasti dalam dialog pengajaran dan pembelajaran.

- **Tahap Pemikiran ‘Merekod’**

Pemikiran merekod bermaksud pemikiran tahap rendah pelajar atau guru hanya menyebut semula maklumat atau fakta yang terdapat dalam bahan sastera yang dibaca. Dengan kata lain, pelajar atau guru hanya menyebut semula fakta/maklumat atau nama-nama yang tercatat atau tersurat secara nyata dalam bahan sastera yang dibaca. Pemikiran merekod boleh dikatakan setaraf dengan kemahiran mengingat atau menghafal maklumat secara verbatim.

- **Tahap Pemikiran ‘Melapor’**

Pemikiran melapor masih lagi merupakan pemikiran peringkat rendah, tetapi tahapnya adalah lebih tinggi sedikit daripada pemikiran merekod. Apabila pelajar atau guru cuba menerangkan sesuatu perkara dalam teks atau bahan sastera yang dibaca, atau cuba menjawab dengan menggunakan beberapa perkataan sendiri tentang bahan sastera yang dibincangkan, maka mereka telah melakukan pemikiran tahap melapor. Jadi, pemikiran tahap ini mengandungi elemen-elemen kefahaman dan terjemahan daripada bahan sastera dalam